

15 AUG 1999

Rusia-Cabaran

HARTAWAN BALAK MALAYSIA SAMBUT CABARAN RUSIA

Oleh: Azman Ujang

KHABAROVSK (Rusia), 15 Ogos (Bernama) -- Semasa hartawan balak Malaysia Tan Sri Tiong Hiew King memenangi tender antarabangsa pada 1997 untuk melakukan pembalakan di rantau Timur Jauh Rusia ini, beliau kurang bersedia untuk menghadapi apa yang dikatakan cabaran paling besar bagi perniagaannya.

Dengan operasi pembalakannya sudahpun berkembang maju di Asia, Afrika, Amerika Tengah, Australia, New Zealand, Papua New Guinea dan kini Rusia, hartawan itu dikenali di kalangan golong industri sebagai mempunyai satu daripada konsesi perhutanan terbesar di dunia.

Beliau jarang memberikan wawancara akhbar dan kurang menonjolkan diri tetapi dapat meletakkan dirinya untuk disenaraikan dalam Fortune 500 sebagai antara orang yang paling kaya di Asia.

Tiong, 64, yang berasal dari bandar balak Sarawak iaitu Sibuh, bercakap secara berterus terang kepada wartawan-wartawan Malaysia mengenai buruk baik menjalankan perniagaan di Rusia, dan dengan perasaan bangga menyatakan bahawa pelaburannya di sini sudah pun memberi kesan kepada ekonomi tempatan, yang sememangnya perlu ditingkatkan.

Selepas dua tahun kehadirannya di sini, konglomerat Rimbunan Hijau yang diketuainya, telah memberikan pekerjaan kepada lebih 350 orang, kesan sampingan kepada perniagaan kontrak dan sub-kontrak, pemindahan dan latihan teknologi, dan memberikan lebih pendapatan kepada rakyat yang tahap pendapatannya adalah rendah.

"Sudah tentu Rimbunan Hijau, yang melabur di Rusia, mengetahui risiko dan ketidakpastian yang akan dihadapi, tetapi kami berharap dapat mengatasinya dan membawa kejayaan kepada kedua-dua pihak," katanya kepada para wartawan Malaysia di pejabat syarikatnya.

Tiong dan para wartawan itu berada di bandar ini kerana lawatan empat hari Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dijadualkan tiba di sini lewat malam ini.

Rimbunan Hijau diberi konsesi pembalakan seluas 600,000 hektar di dua kawasan di Sukpai dan Pitchy, iaitu kira-kira 10 jam memandu dari sini, bagi tempoh selama 49 tahun.

Tiong juga terbuka dalam membincangkan masalah yang dihadapi Rimbunan Hijau di wilayah tidak berpiagam bagi para pelabur asing itu dan berkata semua perkara, secara umumnya, dapat diuruskan.

"Operasi kami melibatkan risiko tinggi. Kadang kala, kami tidak pasti sama ada kami dapat mencapai apa yang diunjurkan oleh kami.

"Kami perlu berdoa bersungguh-sungguh dan mengharapkan tuah untuk berjaya," katanya secara berseloroh.

Ketika diminta memberi contoh kesukaran yang dihadapi oleh para pelabur asing di Rusia, beliau berkata pertama ialah peraturan yang kerap berubah terutamanya yang melibatkan percukaian.

Percukaian baru dibuat secara mendadak yang boleh menjejaskan unjuran seseorang ahli perniagaan tetapi Tiong, seperti biasa, menerima semua ini dengan positif yang membolehkannya berjaya sebagai hartawan balak antarabangsa.

Seramai 50 pegawai dagang Malaysia yang bekerja dengan Rimbunan Hijau di sini, satu-satunya pelabur Malaysia di seluruh Rusia, dapat menyesuaikan diri dengan keadaan tempatan walaupun bahasa dan cuaca menjadi masalah kepada mereka.

Sesetengah rakyat Malaysia itu, yang kebanyakannya dari ibu pejabat

syarikat itu di Sibu, memutuskan untuk pulang ke tanahair kerana mereka tidak tahan dengan keadaan cuaca yang pada musim sejuknya mencatatkan 50 darjah di bawah sifar.

Tetapi eksekutif Stephen Tiong, juga dari Sibu, semakin serasi dengan kehidupan di sini walaupun beliau mengakui terpaksa menghantar isteri dan anak-anaknya pulang setelah mereka sukar menghadapi keadaan itu.

"Saya sukakan tempat ini. Ia hanyalah bagaimana untuk menyesuaikan diri dengannya," kata beliau kepada Bernama

Tiong berkata terdapat satu lagi pemegang konsesi besar balak di wilayah Rusia ini, Pioneer Group dari Boston, yang mempunyai kawasan pembalakan kira-kira satu juta hektar.

Selepas dua tahun menjalankan operasi di sini, Rimbunan Hijau sudahpun mengeluarkan AS\$15 juta untuk membalak pokok pain dan telah mencapai 60 peratus daripada unjuran pengeluarannya. Ia menjangka dapat mencapai sepenuhnya matlamat itu dalam masa dua tahun lagi dan menggandakan pelaburan itu.

Dari sini, balak kayu lembut itu dieksportkan ke Jepun dan Korea Selatan tetapi pemprosesan balak-balak itu dilakukan kemudian sebagai memenuhi syarat yang ditetapkan pihak berkuasa tempatan.

Apabila mengendalikan pengeluaran sepenuhnya, syarikat itu menjangka perlu meningkatkan tenaga kerjanya kepada 1,000 orang.

"Sudah tentu budaya kerja penduduk tempatan berbeza kerana mereka sudah lama disemaikan dengan sistem sosialis sebelum ini tetapi ini semakin berubah dengan adanya latihan yang kami berikan kepada mereka," kata Tiong.

Satu daripada kebimbangan besar syarikat balak seperti Rimbunan Hijau, selain daripada perubahan dasar, ialah kebakaran hutan yang pada tahun lepas memusnahkan kira-kira dua juta hektar kawasan di rantau ini dan kerugian antara 300 juta dan 400 juta meter padu balak.

"Oleh itu, kami perlu memainkan peranan dengan menyediakan peralatan memadam kebakaran kepada pihak berkuasa tempatan," katanya.

Dr Mahathir akan melawat pejabat Rimbunan Hijau esok, yang Tiong sifatkan satu penghargaan besar kepada syarikatnya sebagai pelabur pertama Malaysia di Rusia.

" Ia adalah satu galakan besar bagi kami. Selain itu, ia juga akan meletakkan Malaysia pada peta di bahagian Rusia ini.

" Sudah pasti ini menggalakkan kami untuk bekerja kuat malahan lebih gigih lagi bagi memastikan pelaburan ini akan berjaya dengan semangat "Malaysia Boleh," katanya.

Lawatan itu turut memenuhi kepentingan Rusia kerana ia akan menjadi petunjuk kepada pelabur-pelabur asing yang mahu datang ke sini.

Dengan lawatan Dr Mahathir ke sini adalah satu lagi contoh kempen "Memakmurkan Jiran" di kalangan negara-negara membangun, hartawan balak seperti Tiong yang perlu mempunyai wawasan dan semangat untuk membantu mencapai matlamat ini.

-- BERNAMA

AU NAK